

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

SOALAN : Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang masih ditahan di Kem Tahanan Guantanamo Bay, sebab-sebab mereka ditahan dan sama ada Kerajaan Malaysia ada rancangan untuk membawa balik tahanan-tahanan tersebut untuk ditahan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat dua (2) orang warganegara Malaysia yang sedang ditahan di Pusat Tahanan Teluk Guantanamo sejak 4 September 2006, iaitu Mohd Farik Amin @ Zubair dan Mohamad Bashir Lap @ Lillie. Menurut Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (AS), Mohd Farik dan Mohamad Bashir ditahan kerana disyaki terlibat secara aktif di dalam kegiatan keganasan melalui kumpulan Jemaah Islamiah (JI) dan al-Qaeda.

3. Kerajaan Malaysia sedang berunding dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk membawa pulang kedua-dua warganegara Malaysia tersebut setelah mereka mengakhiri tempoh tahanan mereka.

Sekian, terima kasih.